

PERUBAHAN UTAMA DALAM ARAHAN PERBENDAHARAAN

Peraturan utama Arahan Perbendaharaan (AP) yang telah dipinda dan ditambah baik adalah seperti berikut:

(1) Kuasa Pegawai Pengawal/Pegawai Yang Diberi Kuasa

- (i) **AP179 (Jadual Kadar Perolehan Kerja)**
Dipinda kepada RM100,000 berbanding RM20,000 untuk Kerja Awam dan Bangunan serta RM50,000 berbanding RM20,000 untuk Kerja Elektrik.
- (ii) **AP198 (Had Nilai Setuju Terima Tender Bagi Lembaga Perolehan Kementerian Atau Jabatan)**
Dipinda bagi memberi serta meningkatkan kuasa kepada Lembaga Perolehan A Kementerian atau Jabatan untuk menimbang serta setuju terima tender sehingga RM100 juta untuk tender kerja dan RM50 juta untuk tender bekalan atau perkhidmatan.
- (iii) **AP200 (Menguruskan Kontrak)**
Dipinda bagi membolehkan Pegawai Pengawal atau Pegawai Yang Diberi Kuasa (di mana berkaitan) menandatangani Surat Setuju Terima dan Kontrak bagi nilai kontrak sehingga RM100 juta bagi tender kerja dan RM50 juta bagi tender bekalan atau perkhidmatan.

(2) Memantapkan Sistem Dan Prosedur Kerja

- (i) **AP159 (Baki Deposit Tahunan)**
Dipinda bagi menetapkan tarikh penghantaran senarai baki pendeposit kepada Akauntan Negara/Akauntan Jabatan Mengakaun Sendiri dan Ketua Audit Negara atau kepada Akauntan Negeri/Bendahari Negeri dan wakil Ketua Audit Negara.
- (ii) **AP173.2 (Pembelian Darurat)**
Dipinda supaya pembelian darurat meliputi perolehan bagi bekalan, kerja dan perkhidmatan.
- (iii) **AP176 (Kontrak Perolehan)**
Dipinda bagi meningkatkan had nilai keperluan penyediaan kontrak formal kepada RM50,000.

- (iv) **AP180.1 (Kerja-kerja Requisition)**
Dipinda bagi membolehkan perolehan secara *requisition* untuk kerja-kerja yang bernilai tidak melebihi RM100,000 dilaksanakan secara undian atau pusingan kerja sahaja.
- (v) **AP182 (Rujukan Kepada Jabatan Teknik)**
Dipinda bagi membolehkan agensi-agensi Kerajaan melaksanakan sendiri projek-projek pembangunan sekiranya tiada jawapan diterima dari Jabatan Teknik dalam tempoh 14 hari.
- (vi) **AP187 (Pihak Berkuasa Melantik Dan Meluluskan Kos Perkhidmatan Perunding)**
Dipinda bagi:
 - (a) Membolehkan proses pelantikan dan kelulusan kos perunding yang dilantik mengikut kaedah *Scale of Fees* dilaksanakan secara serentak.
 - (b) Membolehkan Lembaga Perolehan A Kementerian atau Jabatan menimbang tanpa had nilai sebarang pertambahan kos perkhidmatan perunding bagi *Extension of Time* (EOT) dan Arahan Perubahan (VO) sesuatu projek.
 - (c) Mbenarkan agensi melantik perunding bagi kajian yang ringkas dan kos perkhidmatannya tidak melebihi RM300,000 secara lantikan terus.

(3) Mengemas Kini AP Dengan Keperluan Dan Keadaan Semasa

- (i) **AP60 hingga AP91 (Urusan Terimaan)**
Antara lain, membolehkan bayaran diterima melalui sistem *online*, bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan integriti pengurusan hasil Kerajaan.
- (ii) **AP92 hingga AP140 (Urusan Bayaran)**
Antara lain, membolehkan urusan pembayaran dilaksanakan melalui sistem *online*, bertujuan untuk mempercepatkan urusan pembayaran serta meningkatkan ketelusan pengurusan kewangan.
- (iii) **AP141 dan AP150 (Urusan Penyenggaraan Akaun)**
Antara lain, membolehkan pengurusan akaun agensi-agensi Kerajaan dilaksanakan dengan lebih sistematik serta menyediakan maklumat yang tepat.

- (iv) **AP46 (Anggaran Pembangunan)**
Dipinda bagi menetapkan keperluan menyertakan maklumat mengenai aliran wang tunai di dalam Jadual Rancangan Perbelanjaan Pembangunan agensi.
- (v) **AP168A (Perolehan Melalui Sistem Elektronik)**
Ditambah bagi membenarkan perolehan melalui sistem elektronik.
- (vi) **AP169 (Kajian Pasaran Dalam Perolehan)**
Dipinda bagi menetapkan kos penyenggaraan turut diambil kira dalam kajian pasaran sebelum sesuatu urusan perolehan dilaksanakan.
- (vii) **AP202.2 (Arahan Perubahan Kerja)**
Dipinda bagi menetapkan had kuasa Pihak Berkuasa Melulus dalam menimbang dan meluluskan pertambahan kos berkaitan dengan Arahan Perubahan Kerja.

Bahagian Pengurusan Kewangan Strategik

Perbendaharaan Malaysia

31 Julai 2008